



PINDAAN GARIS PANDUAN POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI

1. TUJUAN

Pindaan garis panduan ini dikeluarkan untuk meminda perenggan 4.3.3 seperti berikut –

“4.3.3 Perbelanjaan yuran pemfailan hendaklah khusus untuk pemfailan borang-borang cukai sahaja termasuk khidmat nasihat agen cukai atau pengiraan cukai syarikat. Perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses* seperti telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan dan penginapan tidak layak diberi potongan.

Contoh 4

Perbelanjaan yang layak dilakukan untuk tuntutan yuran pemfailan cukai

Pada 1/9/2016, Syarikat Anggun Sdn Bhd menerima inbois daripada Cekap Tax Services Sdn Bhd (ejen cukai yang diluluskan di bawah ACP) atas perkhidmatan pemfailan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran 2015 berjumlah RM1,500. Bayaran telah dijelaskan pada 1/1/2017.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Layanan cukai:

Syarikat Anggun Sdn Bhd tidak layak menuntut potongan yuran pemfailan BNCP tahun taksiran 2015 berjumlah RM1,500 disebabkan bayaran dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2017. Ini selaras dengan peruntukan subperenggan 2(1)(b)(i) KKCP di mana yuran tersebut **tidak dilakukan dan dibayar dalam tahun taksiran 2016.**”

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

25 September 2017

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/286-48